

Tel. : 088-369965/369971

Faks: 088-211016/422113



PEJABAT
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
Jabatan Ketua Menteri
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)
Aras 28, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia

Rujukan : JKM.100-4/62

Tarikh : 29 Julai 2020

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah / Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk / Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (NO. 7) 2020 SECARA BERPERINGKAT DI NEGERI SABAH

Dengan hormatnya, perkara tersebut di atas dirujuk.

2. Susulan daripada perutusan khas YAB Perdana Menteri mengenai perkembangan terkini Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 20 Julai 2020 dan perkembangan harian COVID-19 di Negeri Sabah, kita masih berdepan dengan ancaman wabak COVID-19.

3. Oleh itu, semua anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah diingatkan untuk mematuhi sepenuhnya *Standard Operating Procedure* (SOP) dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan iaitu memakai pelitup muka (*face mask*) semasa berada di tempat awam atau bersama khalayak ramai, mengamalkan kebersihan diri dengan kerap membasuh tangan serta mengamalkan prinsip penjarakan sosial. Kegagalan mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) dan peraturan berkenaan boleh dikenakan tindakan tatatertib menurut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.

-/2....

Rujukan : JKM.100-4/62

Tarikh : 29 Julai 2020

PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (NO. 7) 2020 SECARA BERPERINGKAT DI NEGERI SABAH

4. Adalah diperingatkan sekali lagi agar semua anggota Perkhidmatan Awam Negeri dan Pejabat Kerajaan Negeri **mengelakkan 3S (3C)** iaitu jauhi kawasan yang **sesak** (*crowded place*), elakkan kawasan yang **sempit** (*confined space*) dan elak **sembang** atau bertutur dengan jarak yang dekat (*close conversation*) dan **meningkatkan 3W** iaitu **wash** (kerap mencuci tangan dengan air dan sabun), **wear** (memakai pelitup muka di tempat awam atau jika bergejala) dan **warn** (amaran atau peringatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia).

Sekian.

**'TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA
MEMERANGI PENULARAN WABAK COVID-19'**

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"



(DATUK Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP.)
Setiausaha Kerajaan Negeri